

# Khairy pertikai kenyataan penafian Anwar Ibrahim

Um - 23/5/2007

KUALA LUMPUR 22 Mei - Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin mempertikaikan penafian Datuk Seri Anwar Ibrahim yang terlibat dalam proses pemindahan Shaha Riza, teman wanita Presiden Bank Dunia Paul Wolfowitz, ke Yayasan bagi Masa Depan selepas dia ditukarkan dari bank itu ke Jabatan Negara Amerika Syarikat (AS).

Menurutnya, beliau masih tidak berpuas

hati dengan jawapan Anwar yang disifatkan hendak mengelak daripada memberi jawapan sebenar.

"Mengapa masih hendak menidakkan fakta yang sudah diketahui umum dan dihebahkan dalam kebanyakan surat khabar di AS?"

"Alasan 'menyeragamkan' tidak boleh diterima sedangkan sudah jelas Shaha Riza terlibat selepas dia dipindahkan secara rasmi ke yaya-

san itu semasa Anwar menjadi pengerusinya," kata Khairy ketika dihubungi di sini hari ini.

Semalam, Anwar Ibrahim menafikan beliau terlibat dalam proses pemindahan Shaha Riza, wanita yang menjadi punca peletakan jawatan Wolfowitz daripada Bank Dunia, pada penghujung 2005 dengan alasan beliau baru dilantik sebagai pengerusi yayasan itu pada 15 Julai tahun lalu.

Khairy turut mempersoalkan penerimaan Anwar untuk menjadi pengerusi yayasan itu yang didakwa tidak mempunyai kaitan dengan Bank Dunia.

"Bolehkah dia (Anwar) nafikan yayasan itu mempunyai kaitan dengan AS sedangkan pengumuman mengenai yayasan itu diumumkan sendiri oleh Setiausaha Negara AS, Condoleezza Rice?"

"Kerajaan AS melalui sebuah laman webnya

telah mengumumkan pemberian bantuan sebanyak AS\$35 juta sebagai tanda kerjasama dengan yayasan itu," katanya.

Menurut Khairy, campur tangan AS itu jelas menafikan kenyataan Anwar kononnya yayasan tersebut tidak pernah berurusan dengan Bank Dunia dan tidak menerima bantuan kewangan daripada mana-mana pihak dari negara itu.